

TARIKH	AHAD, 9 MAC 2025
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	CHINA JUMPA SUMBER TENAGA 60,000 TAHUN
M/S	35
BIDANG	NUCLEAR
KATA KUNCI	CHINA, URANIUM, THORIUM

# China jumpa sumber tenaga 60,000 tahun

- Torium tenaga alternatif paling mapan
- Deposit besar di Inner Mongolia


**BEIJING** – Media China melaporkan bahawa ahli-ahli geologi negara berkenaan menemui deposit besar logam torium di wilayah autonomi Inner Mongolia, lapor majalah mingguan, *Newsweek*.

Penemuan menunjukkan terdapat kehadiran unsur logam radioaktif itu yang mencukupi untuk memenuhi permintaan tenaga dalam negara selama 60,000 tahun.

Torium muncul sebagai sumber penting dalam usaha global untuk mencari bahan api alternatif.

Menurut Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), China mendakwa bahawa simpanan yang ditemui baru-baru ini boleh menghasilkan 1 juta tan torium jika dieksploitasi sepenuhnya.

Kawasan yang kaya dengan



**GAMBAR** fail loji nuklear Qinshan di Haiyan, timur China. – AFP

sumber torium itu didapati terdapat di Bayan Obo.

Sebanyak 233 zon kaya torium telah dikenal pasti di seluruh China.

Reaktor nuklear berasaskan torium boleh menyediakan alternatif yang lebih bersih, cekap dan menawarkan 200 kali lebih banyak tenaga.

China sedang membangunkan reaktor garam cair torium (TMSR) pertama di

dunia di Gurun Gobi dan ia dijangka beroperasi menjelang 2029.

Torium mempunyai sisa nuklear yang tidak terlalu banyak dan risiko kecairannya adalah rendah.

China menasakarkan untuk membina 24 loji nuklear baharu menjelang 2030 sekali gus mengukuhkan usaha Beijing bagi mencapai kemerdekaan tenaga.

– AGENSI